



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PANDUAN PENDAFTARAN LEVI PELEPASAN

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 24 Julai 2019.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Levi Pelepasan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	4
DEFINISI	5
Levi Pelepasan	5
Pengendali.....	5
Establismen	5
Pengendali Penerbangan	6
Ejen Pengendali Asing.....	6
PENGECUALIAN DARIPADA BERDAFTAR	7
TANGGUNGAN PENGENDALI DAN EJEN PENGENDALI ASING UNTUK BERDAFTAR SEBELUM TARIKH EFEKTIF LEVI PELEPASAN	9
KUASA KETUA PENGARAH UNTUK MENDAFTARKAN PENGENDALI	10
PENDAFTARAN LEWAT	11
PEMBERITAHUAN KELULUSAN PENDAFTARAN.....	11
TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR.....	11
PEMBATALAN PENDAFTARAN	12
MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN	13
MAKLUMAT LANJUT	13

PENGENALAN

1. Panduan ini memberi penerangan berhubung keperluan dan prosedur untuk berdaftar di bawah seksyen 13 dan 63 Akta Levi Pelepasan 2019. Adalah dicadangkan supaya anda membaca Panduan Umum Levi Pelepasan sebelum membaca panduan ini agar anda lebih memahami konsep Levi Pelepasan secara umum.

Levi Pelepasan Secara Umum

2. Di bawah Akta Levi Pelepasan 2019, levi pelepasan adalah levi yang dikenakan kepada orang yang ke luar negara dengan menggunakan mod laluan udara sahaja kerana pengecualian diberikan kepada mod pengangkutan lain berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepada Menteri Kewangan.
3. Mana-mana pengendali penerbangan udara adalah bertanggungjawab untuk berdaftar sebagai orang berdaftar tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh permulaan operasi bagi membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia ke luar negara.
4. Mana-mana pengendali asing yang tidak mempunyai establismen di Malaysia, maka pengendali asing tersebut adalah diwajibkan melantik ejen sebagai wakil bagi pihaknya di bawah Akta ini.
5. Setiap orang berdaftar perlu mengenakan kadar levi pelepasan yang ditetapkan di dalam tiket atau invois atau apa-apa dokumen kepada mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia ke luar negara.

DEFINISI

Levi Pelepasan

6. Istilah "levi pelepasan" ialah suatu levi yang kena dibayar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019. Levi pelepasan ini perlu dibayar oleh orang yang meninggalkan Malaysia untuk ke Luar Negara.

Pengendali

7. Istilah "pengendali" telah ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Levi Pelepasan 2019 seperti berikut:
 - a) mana-mana orang yang mengendalikan apa-apa kenderaan untuk membawa mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia dan
 - b) "pengendali asing" iaitu mana-mana orang yang mengendalikan apa-apa kenderaan untuk membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia tetapi tidak mempunyai perniagaan atau tempat perniagaan di Malaysia.
 - c) Takrifan kenderaan yang dimaksudkan di dalam Akta ini adalah merangkumi semua jenis kenderaan pengangkutan di mod darat, udara dan laut. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pelaksanaan pada masa ini, hanya orang yang meninggalkan Malaysia yang menggunakan mod pengangkutan udara dengan kapal terbang, jet peribadi dan helikopter yang akan dikenakan levi.

Establismen

8. Istilah "establismen" ditakrifkan sebagai mana-mana syarikat pengendali yang mempunyai perniagaan atau tempat perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

SIAPAKAH YANG PERLU BERDAFTAR?

Pengendali Penerbangan

9. Mana-mana orang yang mengendalikan dan menyediakan pengangkutan kepada penumpang untuk ke luar negara dengan menaiki mod pengangkutan udara adalah dikehendaki berdaftar di bawah Seksyen 13(1) dan 63 Akta Levi Pelepasan 2019.
10. Kategori pengendali yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara ke luar negara yang perlu berdaftar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah;
 - a) Kapal Terbang Penumpang Komersial
 - b) Jet Peribadi
 - c) Helikopter
11. Pendaftaran perlu dibuat secara atas talian (*online*) di dalam Sistem MyDLv di dalam Borang DL-01.
12. Pengendali penerbangan yang beroperasi di Malaysia tetapi tidak mempunyai establismen (tidak mempunyai pejabat/syarikat rasmi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia), adalah merupakan pengendali asing di bawah Seksyen 3(1) Akta Levi Pelepasan 2019.

Ejen Pengendali Asing

13. Bagi pengendali asing yang tidak mempunyai establismen di Malaysia adalah diwajibkan melantik ejen sebagai wakil bagi pihaknya untuk mendaftar di bawah Seksyen 14 dan 15 Akta Pelepasan 2019 ini.
14. Ejen yang berdaftar hendaklah merupakan syarikat yang beroperasi di Malaysia dan telah dilantik sebagai wakil kepada pengendali asing tersebut. Oleh yang demikian, ejen adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab kepada syarikat pengendali asing terhadap apa-apa yang diperuntukkan di bawah Akta Levi Pelepasan 2019.
15. Pendaftaran bagi ejen perlu dibuat secara atas talian (*online*) di dalam Borang DL-01 melalui Portal MyDLv. Pendaftaran ke atas ejen ini perlulah dibuat dalam tempoh tidak kurang dari 30 hari dari hari pertama permulaan operasi pengendali asing yang membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia.


PENGECUALIAN DARIPADA BERDAFTAR

16. Pengendali yang menyediakan perkhidmatan berikut adalah dikecualikan daripada melakukan pendaftaran di bawah Jadual Kedua Perintah Levi Pelepasan (Pengecualian) 2019 dan tidak bertanggung mengenaikan levi pelepasan kepada penumpang:
- a) Pengendali bagi mod pengangkutan air dan darat;
 - b) Pengendali kenderaan komersil yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara secara catar bagi mengangkut pekerja ke pelantar minyak, platform atau yang seumpamanya; dan
 - c) Pengendali pengangkutan udara milik Kerajaan.
17. Menteri juga mempunyai kuasa untuk memberi pengecualian kepada mana-mana orang di bawah seksyen 31(1)(d) dan seksyen 31(2)(c) Akta Levi Pelepasan 2019 mengecualikan mana-mana orang daripada mendaftar.

Contoh 1:

Syarikat Carigali MSO Sdn Bhd mempunyai kontrak bersama Carigali Brunei Ltd. di pelantar minyak perairan Brunei. Setiap bulan pihak syarikat akan menghantar pekerja yang bertugas dengan menaiki helikopter dari Limbang ke Brunei. Pengendali helikopter tidak perlu mendaftar dan mengenakan levi pelepasan kepada penumpang yang terlibat kerana menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara untuk mengangkut pekerja ke pelantar minyak.

CARTA ALIRAN PENENTUAN PENDAFTARAN LEVI PELEPASAN



CARA UNTUK BERDAFTAR


18. Permohonan pendaftaran dikemukakan **secara atas talian melalui Portal MyDLv** dengan mengisi Borang DL-01 dengan merujuk panduan yang disertakan di laman web www.mydlv.customs.gov.my.
19. Permohonan secara manual adalah tidak benarkan di mana-mana stesen Kastam. Walau bagaimanapun, maklumat dan informasi mengenai tatacara permohonan boleh diperolehi di stesen-stesen Kastam.

TANGGUNGAN PENGENDALI DAN EJEN PENGENDALI ASING UNTUK BERDAFTAR SEBELUM TARIKH EFEKTIF LEVI PELEPASAN

20. Bagi pengendali semasa yang sedang mengendalikan perkhidmatan penerbangan meninggalkan Malaysia ke luar negara sebelum tarikh efektif Levi Pelepasan, mereka dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh 30 hari daripada tarikh efektif Levi Pelepasan atau sepertimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Kastam selaras dengan peruntukan **seksyen 63 Akta Levi Pelepasan 2019**.

Contoh 2:

*Syarikat penerbangan Malaysia Airline telah beroperasi bermula 1 April 2015. Tarikh efektif **Levi Pelepasan** adalah pada **1 September 2019**. Syarikat penerbangan berkenaan perlu mengemukakan permohonan pendaftaran **Levi Pelepasan** dalam tempoh 30 hari **bermula 1 Ogos 2019 hingga 30 Ogos 2019**.*




TANGGUNGAN PENGENDALI DAN EJEN PENGENDALI ASING UNTUK BERDAFTAR SELEPAS TARIKH EFEKTIF LEVI PELEPASAN

21. Bagi pengendali yang mengendalikan perkhidmatan penerbangan meninggalkan Malaysia selepas tarikh efektif Levi Pelepasan, permohonan pendaftaran perlu dikemukakan tidak kurang daripada 30 hari dari tarikh pertama permulaan pengendali membawa penumpang meninggalkan Malaysia selaras dengan peruntukan **seksyen 13 Akta Levi Pelepasan 2019**.

Contoh 3:

Tarikh pertama permulaan penerbangan meninggalkan Malaysia oleh syarikat penerbangan Azul Brazilian Airlines adalah pada 20 Januari 2020. Oleh yang demikian, Pengendali atau Ejen Pengendali Asing yang dilantik perlu mengemukakan permohonan pendaftaran Levi Pelepasan kepada pihak Kastam tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh penerbangan pertamanya. Ini bermakna pihak syarikat perlu membuat permohonan pendaftaran sebelum tarikh 20 Disember 2019.



KUASA KETUA PENGARAH UNTUK MENDAFTARKAN PENGENDALI

22. Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mendaftarkan mana-mana pengendali atau ejen pengendali asing yang tidak membuat permohonan di bawah seksyen 13 dan seksyen 63 Akta Levi Pelepasan 2019 berkuat kuasa pada hari pertama bulan berikutnya selepas maklumat itu diketahui oleh Ketua Pengarah.

PENDAFTARAN LEWAT

23. Mana-mana pengendali yang gagal mengemukakan permohonan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan, selaras dengan seksyen 13(3) Akta Levi Pelepasan 2019 jika disabitkan kesalahan, pengendali akan dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

PEMBERITAHUAN KELULUSAN PENDAFTARAN

24. Pengendali akan diberi sijil kelulusan dan nombor pendaftaran Levi Pelepasan yang dijana melalui portal MyDLv selaras dengan peruntukan Peraturan 3(2) Peraturan-Peraturan Levi Pelepasan 2019.
25. Dokumen dan maklumat berkenaan kelulusan akan dihantar ke akaun pengguna melalui email yang didaftarkan di dalam portal MyDLv.

TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

26. Setiap pengendali atau ejen pengendali asing yang telah berdaftar perlu mematuhi syarat-syarat di bawah perundangan Akta Levi Pelepasan 2019 seperti berikut:
- a) Mengenakan Levi Pelepasan kepada penumpang dengan mengeluarkan inuis cukai, resit atau dokumen lain termasuklah penyata akaun yang menyatakan kadar dan amaun Levi Pelepasan yang dikenakan kepada penumpang;
 - b) Mengakaun Levi Pelepasan yang dipungut;
 - c) Menghantar penyata Levi Pelepasan (DL-02) dan membayar Levi Pelepasan tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya;
 - d) Memaklumkan pihak Kastam secara bertulis tentang tarikh terhentinya operasi penerbangan dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pemberhentian operasi;
 - e) Bagi pengendali asing, adalah bertanggungjawab memaklumkan pihak Kastam secara bertulis sekiranya terdapat pertukaran kepada ejen yang dilantik tidak

- kurang daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh pertukaran ejen;
- f) Memaklumkan pihak Kastam jika berlaku perubahan nama perniagaan, pertukaran alamat premis penginapan, dan perubahan status perniagaan; dan
 - g) Menyimpan rekod yang mencukupi bagi semua transaksi perniagaan yang berkaitan dengan Levi Pelepasan dalam bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris untuk tempoh tujuh tahun.

PERUBAHAN MAKLUMAT ORANG BERDAFTAR

- 27. Selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Levi Pelepasan 2019, orang berdaftar hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengarah di stesen Kastam yang mengawal secara bertulis apabila berlaku:
 - a) perubahan nama perniagaan;
 - b) pertukaran mana-mana tempat perniagaan;
 - c) perubahan status perniagaan; atau
 - d) perubahan ejen yang dilantik;
- 28. Mana-mana orang berdaftar yang gagal memaklumkan perubahan merupakan suatu kesalahan di bawah butiran sama.

PEMBATALAN PENDAFTARAN

- 29. Sekiranya orang berdaftar berhenti mengendalikan operasi penerbangan ke luar Malaysia di bawah seksyen 16 Akta Levi Pelepasan 2019, orang berdaftar hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum tarikh pemberhentian.
- 30. Bagi mana-mana syarikat pengendali yang bercadang untuk memulakan perniagaan semula setelah dibatalkan, atau tidak lagi tertakluk di bawah pengecualian, permohonan pendaftaran baru hendaklah dibuat.

MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

31. Sebarang maklum balas dan pertanyaan hendaklah dihantar ke:

- a) Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Unit Levi Pelepasan, Bahagian Perkastaman,
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2, 62595 Putrajaya.
Emel: enquiry.mydlv@customs.gov.my.

MAKLUMAT LANJUT

32. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- a) Laman web Levi Pelepasan: www.mydlv.customs.gov.my
- b) Pusat Panggilan Kastam :
 - Tel : 1-300-888-500
 - Faks : 03- 7806 7599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my